

Raja Permaisuri Agong Rasmi Pekan Nat Pandu Puteri 2012
Bernama
05 Mei, 2012

ALOR SETAR, 5 Mei (Bernama) -- Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berkenan berangkat merasmikan Pekan Nat Pandu Puteri 2012 sempena Sambutan 80 Tahun Persatuan Pandu Puteri Malaysia cawangan Kedah di perkarangan Menara Alor Setar Jumaat malam.

Tuanku Hajah Haminah yang juga Penaung Diraja Persatuan Pandu Puteri Malaysia tiba di perkarangan menara tersebut kira-kira pukul 8.30 malam diiringi oleh Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Malaysia cawangan Kedah, Datuk Seri Tunku Soraya Sultan Abdul Halim.

Dalam titah ucapan Raja Permaisuri, baginda menzahirkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada semua jawatankuasa Persatuan Pandu Puteri Kedah yang bekerja keras bagi menjayakan program yang julung kali diadakan itu.

Baginda berharap persatuan tersebut dapat membimbing anak-anak untuk berdaya saing untuk ke peringkat lebih tinggi.

Pada majlis tersebut, Tuanku Hajah Haminah turut berkenan melawat gerai persatuan dan juga gerai jualan hasil pertanian nanas yang diusahakan oleh Pandu Puteri Kedah bersama sebuah syarikat swasta di ladang nanas Nas Wawasan di Aman Jaya, Sungai Petani.

Raja Permaisuri Agong turut berkenan merasai keenakan buah nanas jenis Moris yang mula dituai baru-baru ini dengan jenama 'Ananas Puteri'.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=663945>